

Headline	Jemaah haji berlepas terus dari Alor Setar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Aug 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	169 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,859



# Jemaah haji berlepas terus dari Alor Setar

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji menyediakan penerbangan terus jemaah dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH), Alor Setar ke Madinah pada 9 September ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dijangka berkenan berangkat menyempurnakan majlis pelepasan julung kali jemaah haji yang berlepas dari Alor Setar.

"Sebanyak tiga penerbangan berlepas terus dari Alor Setar ke Madinah pada musim haji kali ini membabitkan lebih 1,000 jemaah menggunakan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) B777.

"Kedah negeri ketujuh menyediakan penerbangan terus jemaah haji ke Jeddah atau Madinah selepas Terengganu, Pulau Pinang, Johor, Sabah, Sarawak selain Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Pameran Haji dan Fotografi yang bertemakan 'Haji: Pengalaman Malaysia' yang diadakan sempena sambutan Jubli Emas Lembaga Tabung Haji.

## Pameran NSTP

Pameran julung kali yang berlangsung selama tiga bulan dengan kerjasama Muzium Kesenian Islam Malaysia dan New Straits Times Press (NSTP) Berhad itu mengupas sejarah penubuhan serta rancangan Tabung Haji menguruskan jemaah haj Malaysia.

Kira-kira 100 gambar serta artikel kebanyakannya daripada arkib NSTP dipamerkan pada pameran berkenaan termasuk tarikan utama seperti gambar kotak kayu dan besi lama yang digunakan oleh jemaah untuk menyimpan barang peribadi ketika menaiki kapal laut

ke Makkah.

Katanya, penerbangan terus itu adalah kejayaan berganda di Alor Setar kerana selain penerbangan terus itu, Kompleks Haji Alor Setar yang terletak bersebelahan LTSAH juga sudah mula beroperasi yang mana jemaah akan berkumpul sebelum berlepas ke Tanah Suci.

"Kompleks bernilai RM86 juta itu menyediakan kemudahan hotel bertaraf empat bintang dengan kadar bayaran tiga bintang akan turut menjana pendapatan untuk Tabung Haji melalui sektor pelancongan dan hospitaliti," katanya.

